

## **KENYATAAN MEDIA**

### **SWM KASIH CAHAYA DEEPAVALI RAIKAN 80 KELUARGA GOLONGAN B40 DI DUN GADEK**

---

**MELAKA** – Sempena sambutan perayaan Deepavali tahun ini, SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) dengan kerjasama Pejabat Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dun (Japerun) Gadek meraikan 80 keluarga berbangsa India dari golongan B40 menerusi pemberian sumbangan berbentuk barangan keperluan harian.

Majlis penyerahan sumbangan telah diadakan semalam (Isnin, 17 Oktober 2022) dan turut dihadiri Exco Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Negeri Melaka merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gadek, Yang Berhormat Tuan VP Shanmugam.

Sumbangan ini merupakan kesinambungan daripada inisiatif SWM Kasih Cahaya Deepavali iaitu entiti tanggungjawab sosial korporat (CSR) SWM Environment bagi menghidupkan semangat kebersamaan dalam komuniti dan menzahirkan keprihatinan terhadap kumpulan sasaran yang memerlukan bantuan.

“SWM Environment sentiasa komited mengadakan program berbentuk kebajikan bagi menyantuni pelbagai lapisan masyarakat yang kurang bernasib baik sempena perayaan-perayaan utama. Melalui program SWM Kasih Cahaya Deepavali ini diharapkan dapat memberikan sinar kegembiraan kepada penerima dan seterusnya menjadikan sambutan Pesta Cahaya mereka tahun ini lebih bermakna,” kata Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin.

Dalam majlis sama, SWM Environment tidak ketinggalan menjalankan inisiatif Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) melalui sesi taklimat berkaitan kepentingan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca (SAS) dan amalan 3R (kurangkan janaan sisa, guna semula, dan kitar semula) kepada semua penerima sumbangan.

Bagi menggalakkan aktiviti kitar semula, semua penerima sumbangan turut mendaftar sebagai ahli KITAREcycle iaitu program kitar semula di bawah SWM Environment yang menawarkan mata ganjaran.

Usaha ini diharapkan dapat mendidik dan menggalakkan masyarakat agar lebih aktif melaksanakan amalan budaya kitar semula selain membentuk komuniti yang peka dengan pengurusan sisa pepejal yang berhemah.

**-TAMAT-**



## **MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.**

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: [www.swmenvironment.com](http://www.swmenvironment.com).

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: [www.kitarecycle.com](http://www.kitarecycle.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

**Puan Noor Che Wah Binti Ramli**

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Melaka)

Tel : 06 – 3350191 / 012 – 385 1436

E-mel : [wah.ramli@swmsb.com](mailto:wah.ramli@swmsb.com)